

Hadith Tentang 10 Golongan Manusia dalam Kitab Jawi Jawahir: Analisis Riwayat dan Dirayah

Hadith on 10 Groups of Human According to the Book of Jawi Jawahir: An Analysis on Riwayat and Dirayah

Ahmad Za'im Sabirin Mohd Yusoff¹ & Khadher Ahmad²

¹ (Corresponding Author) Department of Al-Quran and Al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Malaysia, sabiriinyusoff92@gmail.com.

² Department of Al-Quran and Al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Malaysia, khadher82@um.edu.my.

ABSTRAK

Kitab *Al-Yawāqīt wa al-Jawāhir fī 'Uqūbah Ahl al-Kabā'ir* karya al-Sumbāwī merupakan satu-satunya kitab Jawi tematik yang mengetengahkan hadith-hadith *al-targhib wa al-tarhib* berkenaan dengan golongan manusia. Keseluruhan hadith disemak, dinilai semula dan ditakhrij untuk mengenalpasti status hadith sama ada *ṣaḥīḥ*, *ḥasan*, *ḍa'īf* atau *mawḍū'*. Dengan menggunakan pendekatan analisis induktif dan deduktif, penelitian dan analisis dilakukan terhadap hadith tentang golongan manusia dari sudut riwayat dan dirayah. Dapatan kajian mendapati bahawa hadith tentang golongan manusia mengandungi pelbagai status dan turut mengandungi hadith yang dibentuk berdasarkan kepada kefahaman pengarang kitab. Selain itu, al-Sumbawī mengetengahkan sepuluh [10] golongan manusia selaku pengamal dosa besar yang bercanggah dengan hadith-hadith *ṣaḥīḥ* yang diriwayatkan dalam kitab-kitab hadith muktabar. Seterusnya, makalah ini membincangkan tentang konsep hadith *al-targhib wa al-tarhib*, sifat hadith yang menyebutkan tentang hari Kiamat dan keperluan untuk sentiasa beringat supaya menghindarkan diri dari neraka dan mengharapkan rahmat Allah supaya dimasukkan ke dalam syurga.

Kata Kunci: Kitab Jawi; Takhrij al-Hadith; Riwayat dan Dirayah; Golongan Manusia; al-Jawahir dan al-Sumbawī.

ABSTRACT

The book of al-Yawāqīt wa al-Jawāhir fī 'Uqūbah Ahl al-Kabā'ir written by al-Sumbawī is one of Jawi's book that compiles texts of *al-targhib wa al-tarhib* thematically in relation to human beings. All texts are reviewed, re-evaluated and retrieved to identify the rank of hadith namely '*ṣaḥīḥ*', '*ḥasan*', '*ḍa'īf*' or '*mawḍū'*'. An analysis approach is carried out through inductive and deductive measure to observe and analyse hadiths related to groups of people from the aspects of riwayat and dirayah al-hadith. Findings found that hadiths on human beings are divided into different statuses and also the hadith is formed based on the understanding of

the author. In addition, al-Sumbāwī highlighted ten [10] groups of human being as those who committed gravest sins that contradict to the reliable (sahih) hadith as proclaimed in 'muktabar' books of hadith. Next, this paper discusses the concept of hadith al-tarḡīb wa al-tarhīb, the nature of hadith about the Day of Judgment and the need of God remembrance on leading ourselves away from hell and hoping for the blessing of Allah to bestow us into His paradise.

Keywords: *Jawi's Book; Retrieval of Traditions; Riwayah and Dirayah; Human Beings; al-Jawahir & al-Sumbāwī.*

1. Pendahuluan

Kitab Jawi merupakan karya ulama Nusantara sama ada dalam bentuk karya asli, saduran atau terjemahan dalam tulisan Jawi. Kitab ini mempunyai keistimewaan tersendiri yang berbeza mengikut bidang masing-masing. Keseluruhan kitab Jawi bergenre keagamaan dihiasi dengan dua sumber utama hukum iaitu al-Quran dan Hadith.

Dari sudut metodologi penulisan hadith, menurut Mohd Muhiden Abd Rahman (2003), kebanyakan karya klasik bergenre keagamaan yang dihasilkan tidak menyatakan secara jelas sumber pengambilan atau rujukan hadith. Contohnya kitab *Bughyah al-Ṭullāb li Murīd Ma'rifah al-Aḥkām bi al-Ṣawāb* oleh Syeikh Daud al-Faṭānī, kitab *Hidāyah al-Sālikīn fī Sulūk Maslak al-Muttaqīn* oleh Syeikh 'Abd al-Ṣamad al-Falimbānī dan banyak lagi yang menjadi subjek kajian takhrij oleh para pengkaji di peringkat Ijazah Tinggi. (Fauzi Deraman, 1997; Khadher Ahmad, 2007). Menurut Mohd Muhiden, kepincangan atau kekurangan ini sedikit sebanyak mencacatkan kualiti penulisan dan juga kredibiliti pengarang lebih-lebih lagi karya tersebut bersangkutan dengan persoalan agama Islam yang memerlukan kesahihan dan ketepatan hujah dan fakta.

Bahkan, kelemahan yang paling ketara adalah teks dan matan hadith diterjemahkan secara terus tanpa menyebut nasnya yang asal. Malah wujudnya nas-nas yang dikatakan sebagai hadith namun ianya bukan bersumber daripada hadith asal tetapi ianya adalah bersumberkan daripada kefahaman pengarang itu sendiri. (Mohd Muhiden Abd Rahman, 2003; Khadher Ahmad, 2011 & Khadher Ahmad, *et.al.* 2009). Hal ini bukan sahaja menyukarkan para pembaca untuk mengenal pasti status hadith tersebut malah mendedahkan kepada pengamalannya secara membuta tuli dengan bersangka baik dan kethiqahan terhadap pengarang (Mohd Muhiden Abd Rahman, 2003).

Rentetan daripada realiti yang berlaku ini, kajian takhrij dan analisis status hadith telah dilakukan terhadap beberapa karya Jawi. Antaranya ialah kajian di peringkat doktor falsafah yang dilakukan oleh Fauzi Deraman (1997) terhadap karya-karya Syeikh Daud al-Faṭānī.

Hadith-hadith dalam karya tersebut diberikan nilai sama ada *ṣahīḥ* atau sebaliknya dan disertakan dengan ulasan daripada ulama muktabar.

Kemudian, karya-karya Jawi mula mendapat perhatian para pengkaji dan dijadikan sebagai subjek kajian yang dipersembahkan dalam bentuk disertasi, tesis kedoktoran atau projek penyelidikan di peringkat institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Kajian tersebut tidak terhad kepada karya-karya Jawi bercetak sahaja malah karya dalam bentuk manuskrip dalam simpanan perpustakaan juga tidak ketinggalan. (Khadher Ahmad, 2011)

Melihat kepada trend penyelidikan yang masih lagi relevan sehingga ke hari ini, pengkaji memilih kitab *Al-Yawāqīt wa al-Jawāhir fī ‘Uqūbah Ahl al-Kabā’ir* karya al-Sumbāwī al-Sumbāwī sebagai subjek kajian. Kitab yang mengumpulkan hadith-hadith tematik yang memfokuskan kepada beberapa golongan manusia disemak, ditakhrij dan dilakukan analisis secara terperinci dari sudut riwayat dan dirayah.

2. Biodata Syeikh al-Sumbawi dan Pengenalan Kitab Jawahir

Biodata Syeikh al-Sumbāwī

Tiada catatan terperinci mengenai biodata Syeikh al-Sumbāwī kecuali catatan ringkas oleh Wan Mohd Saghir Abdullah (1985) sahaja. Nama penuh Syeikh al-Sumbāwī ialah Muhammad ‘Ali bin Abd al-Rashid bin Abdullah al-Qāḍī al-Jāwī al-Sumbāwī. Catatan mengenai tarikh kelahiran dan tarikh kematian Syeikh al-Sumbāwī yang berasal dari Kepulauan Sumbawa, Indonesia ini tidak ditemui pada mana-mana sumber.

Syeikh al-Sumbāwī berhijrah ke Mekah dan berguru dengan Syeikh Muhammad Ṣāliḥ bin Ibrāhīm al-Rā’is. Beliau bersahabat dengan beberapa orang tokoh fiqh Nusantara tersohor seperti Syeikh Daud al-Faṭānī, Syeikh Idris bin Uthman al-Sumbāwī, Syeikh Siddiq bin Umar Khan dan Syeikh Muhammad Nafis bin Idris al-Banjārī. Murid beliau yang dikenal pasti adalah Syeikh Umar bin Umaju’ Mempawah (Kalimantan Barat) dan Syeikh Muhammad Zainuddin al-Sumbāwī.

Syeikh al-Sumbāwī dikatakan menghasilkan dua [2] buah karya sahaja iaitu *al-Yawāqīt wa al-Jawāhir fī ‘Uqūbah Ahl al-Kabā’ir* dan *‘Uqūd al-Lujayn fī Huqūq al-Zawjayn*. Kedua-dua karya beliau ini dikumpul dan sering dicetak bersama pada satu [1] naskhah kitab.

Pengenalan Kitab Jawāhir

Kitab *al-Yawāqīt wa al-Jawāhir fī ‘Uqūbah Ahl al-Kabā’ir* merupakan karya terjemahan daripada Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu oleh Syeikh al-Sumbāwī daripada karya Syeikh ‘Abd al-Wahhāb al-Sha’rānī yang berjudul

al-Yawāqīt wa al-Jawāhir fī ‘Uqūbah Ahl al-Kabā’ir wa Ahwāl Yawm al-Qiyāmah wa fī Şifat al-Jannah wa Ahlihā. Karya ini memuatkan sebilangan besar hadith-hadith berbentuk *al-tarhīb* dan *al-targhīb* yang memfokuskan kepada hukuman, penyeksaan dan azab terhadap orang-orang yang melakukan dosa besar pada hari kiamat kelak. Karya ini turut dicetak bersama karya yang berjudul *‘Uqūd al-Lujayn fī Ḥuqūq al-Zawjayn* yang membincangkan mengenai hak-hak isteri terhadap suaminya dan hak-hak suami terhadap isterinya (Wan Muhammad Saghir Abdullah, 2001).

Syeikh Muhammad ‘Ali al-Sumbāwī memulakan penulisan dalam *al-Yawāqīt wa al-Jawāhir* dengan muqaddimah seterusnya diikuti dengan dua belas [12] bab utama iaitu [1]: *Pada Menyatakan Seksa Orang Yang Meninggalkan Sembahyang*, [2]: *Pada Menyatakan Seksa Orang Yang Derhaka Bagi Ibu Bapanya*, [3]: *Pada Menyatakan Seksa Orang Yang Minum Arak Dan Tuak*, [4]: *Pada Menyatakan Seksa Orang Yang Berzina*, [5]: *Pada Menyatakan Seksa Orang Yang Liwat*, [6]: *Pada Menyatakan Seksa Orang Yang Makan Riba*, [7]: *Pada Menyatakan Seksa Orang Yang Meratap Dan Pahala Orang Yang Sabar Kena Bala*, [8]: *Pada Menyatakan Seksa Orang Yang Menegahkan Zakat*, [9]: *Pada Menyatakan Seksa Orang Yang Membunuh Dengan Tiada Sebenarnya Dan Orang Yang Memutuskan Segala Rahim*, [10]: *Pada Menyatakan Hak Perempuan Atas Suaminya*, [11]: *Pada Menyatakan Huru Hara Pada Hari Kiamat* dan [12]: *Pada Menyatakan Rupa Syurga Dan Sekalian Isinya* (al-Sumbāwī, t.th.).

Jadual 1 di bawah menunjukkan susunan dan pecahan tajuk utama dalam *al-Yawāqīt wa al-Jawāhir fī ‘Uqūbah Ahl al-Kabā’ir*.

Jadual 1: Senarai Isi Kandungan Karya *al-Yawāqīt wa al-Jawāhir fī ‘Uqūbah Ahl al-Kabā’ir*

Bil.	Kandungan
1	<i>Khutbah al-Kitāb</i>
2	<i>Al-Bāb al-Awwal</i> : <i>Fī ‘Uqūbah Tārik al-Şalāh</i> (<i>Pada Menyatakan Seksa Orang Yang Meninggalkan Sembahyang</i>)
3	<i>Al-Bāb al-Thānī</i> : <i>Fī ‘Uqūbah ‘Āqq al-Wālidayn</i> (<i>Pada Menyatakan Seksa Orang Yang Derhaka Bagi Ibu Bapanya</i>)
4	<i>Al-Bāb al-Thālīth</i> : <i>Fī ‘Uqūbah Shārib al-Khamr</i> (<i>Pada Menyatakan Seksa Orang Yang Minum Arak Dan Tuak</i>)
5	<i>Al-Bāb al-Rābi‘</i> : <i>Fī ‘Uqūbah al-Zinā</i> (<i>Pada Menyatakan Seksa Orang Yang Berzina</i>)
6	<i>Al-Bāb al-Khāmis</i> : <i>Fī ‘Uqūbah al-Liwāt</i> (<i>Pada Menyatakan Seksa Orang Yang Liwat</i>)
7	<i>Al-Bāb al-Sādīs</i> : <i>Fī ‘Uqūbah Ākil al-Ribā</i> (<i>Pada Menyatakan Seksa Orang Yang Makan Riba</i>)
8	<i>Al-Bāb al-Sābi‘</i> : <i>Fī ‘Uqūbah al-Nā’ihah wa Fī Thawāb al-Şabr ‘Alā al-Balā’</i> (<i>Pada Menyatakan Seksa Orang Yang Meratap Dan Pahala Orang Yang Sabar Kena Bala</i>)

9	<i>Al-Bāb al-Thāmin: Fī 'Uqūbah Māni' al-Zakāh</i> (Pada Menyatakan Seksa Orang Yang Menegahkan Zakat)
10	<i>Al-Bāb al-Tāsi': Fī 'Uqūbah al-Qātil wa Qāti' al-Rahim</i> (Pada Menyatakan Seksa Orang Yang Membunuh Dengan Tiada Sebenarnya Dan Orang Yang Memutuskan Segala Rahim)
11	<i>Al-Bāb al-'Ashir: Fī Haqq al-Mar'ah 'Alā Zawjihā</i> (Pada Menyatakan Hak Perempuan Atas Suaminya)
12	<i>Al-Bāb al-Ḥadī 'Ashr: Fī Aḥwāl Yawm al-Qiyāmah</i> (Pada Menyatakan Huru Hara Pada Hari Kiamat)
13	<i>Al-Bāb al-Thānī 'Ashr: Fī Ṣifah al-Jannah wa Ahlihā</i> (Pada Menyatakan Rupa Syurga Dan Sekalian Isinya)

(Sumber: al-Sumbāwī, t.th.)

3. Skop dan Metodologi

Makalah ini bertujuan untuk meneliti, menyemak dan mentakhrij hadith-hadith tentang golongan manusia yang disebutkan dalam kitab *al-Yawāqīt wa al-Jawāhir fī 'Uqūbah Ahl al-Kabā'ir*. Dengan menggunakan pendekatan analisis induktif dan deduktif, penelitian dan analisis dilakukan terhadap karya Syeikh al-Sumbāwī ini dari sudut riwayat dan dirayah. Oleh kerana keseluruhan hadith yang terdapat dalam kitab *al-Yawāqīt wa al-Jawāhir* dinukilkan dalam bentuk terjemahan, pengkaji perlu mengenal pasti matan atau teks hadith asal berbahasa Arab terlebih dahulu sebelum kajian seterusnya dilakukan. Hadith-hadith ini disemak dan dipadankan dengan hadith-hadith yang terdapat dalam kitab-kitab hadith seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *al-Jāmi' al-Tirmidhī*, *Sunan Abū Dāwud*, *Sunan al-Nasā'ī*, *Sunan Ibn Mājah* dan lain-lain kitab *al-Ṣaḥīḥah*. Sekiranya hadith tersebut tidak ditemui dalam kitab-kitab tersebut, pengkaji memadankannya dengan kitab-kitab *al-Mawḍū'āt*. Golongan manusia yang dimaksudkan di sini adalah merujuk kepada penjelasan Nabi SAW tentang bentuk dan situasi manusia dalam pelbagai keadaan dan gambaran. Walaupun demikian, dalam analisis yang akan dijalankan, pengkaji hanya akan memberi tumpuan analisis yang terperinci terhadap satu [1] hadith sahaja yang mewakili sampel hadith dalam kitab *al-Yawāqīt wa al-Jawāhir* dengan menggunakan pendekatan yang telah dijelaskan. Justifikasinya adalah kerana hadith yang dijadikan sampel kajian telah memberikan satu penjelasan yang jelas terhadap beberapa golongan manusia yang akan dibincangkan dalam artikel ini.

4. Hasil Dapatan

Berdasarkan kepada penelitian yang dijalankan, hasil dapatan kajian boleh dibincangkan dalam beberapa subtopik berikut:

4.1 Bilangan Hadith Tentang Golongan Manusia

Syeikh Muhammad ‘Ali al-Sumbāwī mengumpulkan sebanyak 79 hadith yang mengisahkan tentang *Ahl al-Kabā’ir* yang terdiri daripada sepuluh [10] golongan manusia iaitu; [1]: golongan yang meninggalkan solat; [2]: golongan yang menderhakai kedua ibu bapa; [3]: golongan peminum arak; [4]: golongan pengamal zina; [5]: golongan pengamal liwat; [6]: golongan yang memakan riba; [7]: golongan yang meratap atas bala yang menimpa mereka; [8]: golongan yang enggan mengeluarkan zakat; [9]: golongan yang membunuh tanpa niat; dan [10]: golongan yang memutuskan silaturahim.

Berikut adalah taburan hadith mengikut pecahan sepuluh [10] golongan manusia dalam kitab *al-Yawāqīt wa al-Jawāhir fī ‘Uqūbah Ahl al-Kabā’ir*.

Jadual 2: Taburan Hadith Mengikut Pecahan Golongan Manusia dalam kitab *al-Yawāqīt wa al-Jawāhir fī ‘Uqūbah Ahl al-Kabā’ir*.

Bil	Golongan Manusia	Jumlah Hadith
1	Golongan meninggalkan solat	18
2	Golongan menderhakai kedua ibu bapa	4
3	Golongan meminum arak	11
4	Golongan mengamal zina	6
5	Golongan yang mengamal liwat	6
6	Golongan memakan riba	8
7	Golongan meratap atas bala yang menimpa mereka	10
8	Golongan yang enggan mengeluarkan zakat	7
9	Golongan yang membunuh tanpa niat	5
10	Golongan yang memutuskan silaturahim	4
Jumlah Keseluruhan Hadith		79

(Sumber: Hasil Analisis)

Memandangkan jumlah hadith keseluruhan yang menyebutkan tentang golongan manusia tersebut adalah sebanyak 79 hadith, pengkaji tidak akan menyebutkan keseluruhan hadith berkenaan, kecuali disebutkan satu [1] sampel hadith yang disebutkan dalam kitab *al-Yawāqīt wa al-Jawāhir fī ‘Uqūbah Ahl al-Kabā’ir*, yang boleh mewakili keseluruhan sepuluh [10] golongan yang disebut dalam jadual di atas iaitu:

Lagi sabda Rasulullah SAW: “(Bermula) sepuluh orang daripada umatku dimurkai Allah Ta‘ala atas mereka itu pada hari kiamat dan disuruhkan bawa dengan mereka itu pada api neraka, padahal sesungguhnya gugur daging muka mereka itu”. Maka sembah seorang sahabat: “Apa jua amal mereka itu ya Rasulullah?” Maka sabdanya: “Iaitu (pertamanya); seorang sudah lampau umurnya empat puluh tahun maka ia berzina, (dan keduanya); iaitu imam yang berdusta, (dan yang ketiganya); mengekali minum arak dan

tuak, (dan yang keempatnya); orang yang derhaka bagi ibu bapa, (yang kelimanya); orang yang berjalan dengan mengumpat-umpat, (dan yang keenamnya); orang yang mengadu-mengadu, (dan yang ketujuhannya); orang yang jadi saksi dengan dusta, (dan yang kelapannya); orang yang meninggalkan memberi zakat, (dan yang kesembilannya); orang yang zalim dengan harta orang yang Islam, (dan yang kesepuluhnya); orang yang meninggalkan sembahyang melainkan ia taubat akan segala dosanya yang tersebut itu. Maka ketahui olehmu bahawasanya orang yang meninggalkan sembahyang itu diganda-ganda baginya seksa maka didatangkan pada hari kiamat sesungguhnya telah dibelenggukan kedua tangannya dan dihimpunkan keduanya pada tenguknya pada hal malaikat memukul mereka itu dan dibukakan baginya pintu neraka Jahanam maka dimasukkanlah ia pada pintunya seperti anak panah pada segeranya maka jatuhlah ia terdahulu kepalanya tersilang ke bawah hingga sampai kepada Qārūn dan Hāmān yang terkebawah daripada neraka”.”

[*Al-Yawāqīt wa al-Jawāhir fī ‘Uqūbah Ahl al-Kabā’ir*, Bab fī ‘Uqūbah Tārik al-Ṣalah, halaman 7].

4.2 Analisis Hadith Dari Sudut Riwayat Hadith

Pengkaji tidak menemui kitab asal karangan Syeikh al-Sha‘rānī yang merupakan rujukan utama bagi kitab *Al-Yawāqīt wa al-Jawāhir fī ‘Uqūbah Ahl al-Kabā’ir* bagi mendapatkan teks asal berbahasa Arab untuk hadith yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Syeikh al-Sumbāwī. Walaubagaimanapun pengkaji berjaya mendapatkan teks asal hadith ini dalam kitab lain iaitu *al-Jawāhir fī ‘Uqūbah Ahl al-Kabā’ir* oleh Syeikh Zayn al-Dīn al-Malībārī (1983) sebagaimana berikut:

وقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: عشرة من أمتي يغضب الله عليهم يوم القيامة ويأمر بهم إلى النار وقد سقط لحم وجوههم. فقيل: يا رسول الله من هم؟ قال: شيخ زان، وإمام ضال، ومدمن خمر، وعاق والديه، والماشي بالغيبة، والنميمة، وشاهد الزور، ومانع الزكاة، والظالم، وتارك الصلاة إلا أن يتوب لأن تارك الصلاة يضاعف عذابه فيأتي يوم القيامة وقت غلت يده إلى عنقه والملائكة يضربونه وتقول له الجنة: لست مني ولا أنا منك. وتقول له النار: أنت مني ومن أهلي أذن مني لأعذبك عذابا شديدا ثم تفتح له جهنم فيدخل بإبها كالسهم المسرع فيهوى على أم رأسه إلى قارون وهامان في الدرك الأسفل من النار.

Setelah dilakukan kajian takhrij terhadap hadith ini didapati bahawa hadith ini tidak diriwayatkan pada mana-mana kitab muktabar seperti *al-ṣiḥḥāh*, *al-sunan*, *al-muṣannafāt*, *al-masānīd*, *al-ma‘ājim* dan *al-ajzā’* bahkan tidak dibincangkan langsung dalam kitab-kitab *al-mawḍū‘āt*. Hadith ini hanya diriwayatkan dalam kitab al-Sha‘rānī dan al-Malībārī tanpa sanad dan sumber ambilan hadith. Hal ini menjustifikasikan bahawa Rasulullah SAW tidak meriwayatkan hadith sebagaimana lafaz hadith tersebut, ianya tiada asal dan rekaan semata-mata bahkan ada tokoh tambah daripada Syeikh al-Sumbāwī sendiri. Namun, setelah dilakukan carian secara terperinci dengan menggunakan beberapa kata kunci terpisah yang merujuk kepada setiap golongan manusia yang disebutkan dalam hadith seperti “شيخ زان”, “مدمن”, “عاق والديه”, “خمر”, dan sebagainya, pengkaji mendapati beberapa hadith yang terdiri daripada sanad-sanad tersendiri yang dinilai *ṣaḥīḥ* oleh ulama *al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl*. Hadith-hadith tersebut adalah sebagaimana berikut:

Hadith Pertama:

Abū Hurayrah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

ثَلَاثَةٌ لَا يُكَلِّمُهُمُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَلَا يُرَكِّبُهُمْ، وَلَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ، وَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ: شَيْخٌ زَانٍ،
وَمَلِكٌ كَذَّابٌ، وَعَائِلٌ مُسْتَكْبِرٌ

Terjemahan: Tiga jenis manusia yang Allah tidak akan berkata-kata dengan mereka pada Hari Kiamat, tidak menyucikan mereka, tidak juga melihat (yakni, mengendahkan) kepada mereka, dan bagi mereka azab yang pedih iaitu: orang tua yang berzina, pemerintah yang sering berdusta dan orang yang meninggi diri dan takabbur.

[*Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith: 172; *Sunan al-Nasā’ī*, no. hadith: 2367; *Sunan al-Kubrā al-Bayhaqī*, no. hadith: 16641; *Musnad Ahmad*, no. hadith: 10227, Dinilai *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī]

Hadith Kedua:

Abū Mūsā al-Ash‘arī meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

ثَلَاثَةٌ لَا يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ: مُدْمِنٌ الْخَمْرِ وَقَاطِعٌ الرَّحِمِ وَمُصَدِّقٌ بِالسِّحْرِ وَمَنْ مَاتَ مُدْمِنٌ الْخَمْرِ سَقَاهُ اللَّهُ مِنْ نَهْرٍ الْعُوطَةِ. قِيلَ: وَمَا نَهْرُ الْعُوطَةِ؟ قَالَ: نَهْرٌ يُخْرَجُ مِنْ فُرُوجِ الْمُؤْمَسَاتِ يُؤْذِي أَهْلَ النَّارِ رِيحُ فُرُوجِهِمْ.

Terjemahan: Tiga jenis manusia yang tidak masuk syurga iaitu peminum arak, orang yang memutuskan silaturahim (kekeluargaan) dan orang yang

mempercayai tukang tenung. Sesiapa yang meninggal dunia sedangkan dia adalah peminum arak, maka dia akan diberi minum oleh Allah Ta'ala (air) dari sungai Ghūṭah. Rasulullah SAW ditanya: Apakah itu sungai Ghūṭah? Rasulullah SAW bersabda: Sungai Ghūṭah merupakan sungai yang mengalir dari kemaluan perempuan-perempuan pelacur yang menyakiti para penghuni neraka disebabkan baunya yang terlampau busuk.

[*Musnad Ahmad*, no. hadith: 19569; *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān*, no. hadith: 5346, Dinilai *ṣaḥīḥ* oleh Ibn Hibbān].

Hadith Ketiga:

Abū Hurayrah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَرْبَعٌ حَقٌّ عَلَى اللَّهِ أَنْ لَا يُدْخِلَهُمُ الْجَنَّةَ، وَلَا يُذَيِّقُهُمْ نَعِيمَهَا: مُدْمِنٌ حَمْرٍ، وَآكِلٌ الرِّبَا، وَآكِلٌ مَالِ الْيَتِيمِ بِغَيْرِ حَقٍّ، وَالْعَاقُّ لِوَالِدَيْهِ

Terjemahan: Empat golongan manusia yang menjadi hak Allah untuk tidak memasukkannya ke dalam syurga dan tidak merasakan nikmatnya iaitu: peminum arak, pemakan riba, pemakan harta anak yatim tanpa hak dan orang yang derhaka kepada orang tuanya.

[*al-Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥīḥayn*, no. hadith: 2260, Dinilai *ṣaḥīḥ* oleh al-Hākim].

Hadith Keempat:

'Abd Allāh bin 'Amrū RA meriwayatkan daripada Rasulullah SAW:

مَنْ حَافِظٌ عَلَيْهَا كَانَتْ لَهُ نُورًا وَبُرْهَانًا وَنَجَاةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ لَمْ يُحَافِظْ عَلَيْهَا لَمْ يَكُنْ لَهُ نُورٌ وَلَا بُرْهَانٌ وَلَا نَجَاةٌ، وَكَانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَعَ قَارُونَ وَفِرْعَوْنَ وَهَامَانَ وَأَبِي بَنْ حَلْفٍ

Terjemahan: Sesiapa yang menjaga solatnya maka dia akan memiliki cahaya, bukti dan keselamatan pada hari kiamat kelak. Sedangkan yang tidak menjaganya maka tidak akan memiliki cahaya, bukti dan keselamatan pada hari itu. Pada hari itu ia akan dikumpulkan bersama, Qārūn, Fir'aun, Hāmān, dan Ubay bin Khalaf.

[*Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān*, no. hadith: 1467, Dinilai *ṣaḥīḥ* oleh Ibn Hibbān].

Berdasarkan kepada hadith-hadith yang disenaraikan di atas ini, Rasulullah SAW tidak menyebutkan sepuluh [10] golongan manusia sekaligus sebagaimana hadith yang dinukilkan oleh al-Sumbawī melainkan Baginda SAW memisahkan kepada tiga [3] atau empat [4] golongan sahaja.

Walaupun bagaimanapun, hadith-hadith yang disenaraikan ini boleh digabungkan bagi mewakili sebahagian daripada golongan manusia yang disebutkan dalam hadith yang dinukilkan oleh al-Sumbāwī kerana hadith-hadith ini dinilai sebagai hadith *ṣahīḥ* yang boleh dijadikan hujah dan sandaran hukum.

4.3 Analisis Dari Sudut Dirayah (*Fiqh al-Hadith*)

Dari sudut *fiqh al-ḥadīth* atau kandungan yang terdapat pada hadith yang dinukilkan oleh al-Sumbāwī, golongan yang dimurkai oleh Allah Ta'ala pada hari akhirat adalah mereka yang melakukan sepuluh dosa besar iaitu [1]: mengamalkan zina; [2]: sering berdusta; [3] meminum arak; [4]: menderhaka kedua ibu bapa; [5]: mengumpat, [6]: mengadu domba; [7] bersumpah dengan sumpah palsu; [8] enggan mengeluarkan zakat; [9]: zalim dengan harta orang yang Islam dan [10]: meninggalkan sembahyang dengan sengaja.

Akibat daripada perilaku buruk yang melampau oleh golongan manusia ini, mereka dimurkai Allah dan diberikan hukuman iaitu dimasukkan ke dalam neraka. Berikut adalah perbincangan mengenai sepuluh [10] golongan manusia yang disebutkan dalam hadith yang dinukilkan oleh al-Sumbāwī:

4.3.1 Golongan Pengamal Zina

Zina adalah salah satu daripada jenayah hudud. Mazhab al-Shāfi'ī mendefinisikan zina sebagai persetubuhan antara lelaki dan perempuan yang haram baginya, sama ada kerana tiada sebarang akad perkahwinan atau akad syubhah atau sama ada tiada hak milik atau syubhah milik dan tahu bahawa perbuatan itu adalah haram (al-Shīrāzī, 1996).

Persetubuhan yang dikira jenayah zina ialah persetubuhan yang berlaku pada kemaluan perempuan, iaitu kemaluan lelaki dimasukkan ke dalam kemaluan perempuan seperti keris dimasukkan ke dalam sarungnya. Hukuman bagi pesalah kes zina ini disebutkan oleh Allah SWT melalui firmanNya:

الرَّائِبَةُ وَالرَّائِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلْيَشْهَدْ عَذَابَهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾

Terjemahan: Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah SWT, jika benar kamu beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan daripada orang-orang yang beriman. (Al-Nur, 24: 2).

4.3.2 Golongan Pendusta

Dusta merupakan pernyataan salah yang dibuat oleh seseorang (pendusta) yang bertujuan supaya orang yang mendengar pernyataan itu mempercayainya. Golongan pendusta ini tidak sedar bahawa mereka sedang bergelumang dengan dosa yang memacu kepada kejahatan sehingga boleh menghantar mereka ke dalam neraka sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ūd RA, Rasulullah SAW bersabda:

عَلَيْكُمْ بِالصِّدْقِ، فَإِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ، وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ، وَمَا يَزَالُ الرَّجُلُ يَصْدُقُ وَيَتَحَرَّى الصِّدْقَ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ صِدْقًا، وَإِيَّاكُمْ وَالْكَذِبَ، فَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ، وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ، وَمَا يَزَالُ الرَّجُلُ يَكْذِبُ وَيَتَحَرَّى الْكَذِبَ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ كَذَابًا

Terjemahan: Hendaklah kamu sentiasa berlaku benar kerana kebenaran membawa kepada kebaikan, dan kebaikan menghantar seseorang ke Syurga. Dan apabila seseorang selalu berlaku benar dan tetap memilih kebenaran, maka akan dicatat di sisi Allah sebagai orang yang benar. Dan jauhilah oleh kamu berbuat dusta, kerana dusta membawa seseorang kepada kejahatan dan kejahatan menghantar seseorang ke Neraka. Dan jika seseorang sentiasa berdusta dan memilih kedustaan maka akan dicatat di sisi Allah sebagai pendusta (pembongong).

[*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith: 6094; *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith: 2607].

Rasulullah SAW mengklasifikasikan sifat berdusta adalah salah satu sifat khusus yang ada pada orang Munafiq sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh 'Abdullah bin 'Amrū RA, Rasulullah SAW bersabda:

أَرْبَعٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ كَانَ مُنَافِقًا خَالِصًا، وَمَنْ كَانَ فِيهِ خَصْلَةٌ مِنْهُنَّ كَانَتْ فِيهِ خَصْلَةٌ مِنَ الْبِقَاقِ حَتَّى يَدْعَهَا إِذَا أُوْتِمِنَ حَانَ وَإِذَا حَدَّثَ كَذَبَ وَإِذَا عَاهَدَ عَدَرَ، وَإِذَا خَاصَمَ فَجَرَ

Terjemahan: Ada empat perkara, siapa sahaja memilikinya, maka ia menjadi munafik dengan sempurna. Barangsiapa yang memiliki salah satunya, maka ia memiliki salah satu sifat kemunafikannya, hingga ia meninggalkannya. Iaitu apabila seseorang diberi amanah, dia khianat; apabila berbicara, dia berdusta; apabila berjanji, dia tidak menepatinya, dan apabila berdebat, dia akan berbuat curang.

[*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith: 2459; *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith: 58].

Golongan pendusta yang paling teruk adalah golongan yang melakukan pendustaan atau pembohongan dengan menyandarkan sesuatu kepada Rasulullah SAW. Perbuatan tersebut adalah haram dilakukan dan hukuman kepada si pelaku adalah ditempatkan di dalam api neraka. Hadith riwayat al-Mughīrah bin Shu‘bah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ كَذِبًا عَلَيَّ لَيْسَ كَكَذِبٍ عَلَيَّ أَحَدٍ، فَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Terjemahan: Sesungguhnya berdusta atas namaku tidaklah sama dengan berdusta atas nama orang lain kerana sesiapa yang berdusta atas namaku dengan sengaja maka hendaklah dia mempersiapkan tempat duduknya dari neraka.

[*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith: 1291; *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith: 4].

4.3.3 Golongan Peminum Arak

Pengharaman arak telah disyariatkan dan hukuman berat ke atas peminum-peminumnya telah ditetapkan dalam nas Al-Qur’an dan Hadith. Meminum arak adalah satu kesalahan yang besar seperti mana yang diperingatkan oleh Allah SWT menerusi firmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

Terjemahan: Wahai orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan bertenging nasib dengan anak-anak panah, adalah perkara keji yang termasuk perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya agar kamu berjaya. (al-Mā’idah, 5: 90)

Hadith daripada Anas bin Mālik RA:

كَانَ يَضْرِبُ فِي الْخَمْرِ بِالْجَرِيدِ وَالنَّعَالِ أَرْبَعِينَ

Terjemahan: Nabi SAW menyebat peminum arak sebanyak 40 kali sebatan dengan pelepah tamar dan selipar.

[*Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith: 1706].

Hadith yang lain, daripada Anas RA:

أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَلَدَ فِي الْحُمْرِ بِالْجُرَيْدِ وَالنَّعَالِ ثُمَّ جَلَدَ أَبُو بَكْرٍ أَرْبَعِينَ. فَلَمَّا كَانَ عُمَرُ وَدَنَا النَّاسَ مِنَ الرَّيْفِ وَالْقُرَى قَالَ: مَا تَرَوْنَ فِي جَلْدِ الْحُمْرِ؟ فَقَالَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ: أَرَى أَنْ يَتَّعَلَّهَا كَأَحْفِ الْخُدُودِ. قَالَ: فَجَلَدَ عُمَرُ ثَمَانِينَ

Terjemahan: Nabi SAW menyebat peminum arak dengan pelepah tamar dan selipar sebanyak 40 kali. Abu Bakar juga pernah menyebat 40 kali. Pada zaman Umar RA, ramai orang dari pedalaman dan kampung datang ke Madinah, lalu Umar bertanya kepada para sahabat, katanya: Apakah pendapat kamu tentang hukuman sebat atas peminum arak? Jawab Abdul Rahman bin 'Auf: Aku fikir, kamu menjalankan hukum hudud yang paling ringan. Abdul Rahman berkata: Selepas itu, Umar RA menghukum 80 kali sebatan.

[*Shāḥih Muslim*, no. hadith: 4551].

4.3.4 Golongan Penderhaka Kedua Ibu Bapa

Berbakti kepada orang tua merupakan satu tuntutan dalam Islam sebagai menghargai pengorbanan mereka yang tidak putus-putus untuk membesarkan anak-anak dengan sebaik mungkin dan menjadikan kita seorang manusia yang berguna. Perintah berbakti kepada ibu bapa dirakamkan oleh Allah SWT dalam al-Quran iaitu:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ ۚ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۚ إِنَّمَا يُبَلِّغُنَّ عَنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾

Terjemahan: Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada kedua-dua mereka sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, maka janganlah sesekali kamu mengatakan kepada keduanya perkataan "ah" dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia. (al-Isrā', 17: 23).

Rasulullah SAW sendiri menyebutkan bahawa Allah SWT mengharamkan syurga kepada golongan penderhaka kepada kedua ibu bapa sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَرْبَعٌ حَقٌّ عَلَى اللَّهِ أَنْ لَا يُدْخِلَهُمُ الْجَنَّةَ، وَلَا يُزَيِّقَهُمْ نَعِيمَهَا: مُدْمِنٌ خَمْرٍ، وَآكِلُ الرِّبَا، وَآكِلُ مَالِ الْيَتِيمِ بِغَيْرِ حَقٍّ، وَالْعَاقُ لِوَالِدَيْهِ

Terjemahan: Empat golongan manusia yang menjadi hak Allah untuk tidak memasukkannya ke dalam syurga dan tidak merasakan nikmatnya iaitu: peminum arak, pemakan riba, pemakan harta anak yatim tanpa hak dan orang yang derhaka kepada orang tuanya.

[*al-Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥīḥayn*, no. hadith: 2260, Dinilai *ṣaḥīḥ* oleh al-Hākim].

4.3.5 Golongan Pengumpat

Mengumpat (al-ghībah) ialah menceritakan atau menyebut keburukan atau kekurangan yang ada pada seseorang kepada orang lain. Rasulullah SAW sendiri memberikan definisi mengumpat ini sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَتَدْرُونَ مَا الْغَيْبَةُ؟ قَالُوا: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ، قَالَ: ذِكْرُكَ أَخَاكَ بِمَا يَكْرَهُ

Terjemahan: Adakah kamu tahu apakah itu mengumpat? Para sahabat berkata: Hanya Allah dan Rasul-Nya yang mengetahuinya. Nabi SAW bersabda: Kamu menyebut perihal saudaramu yang tidak disukainya.

[*Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith: 2589].

Allah SWT memandang jijik dosa perbuatan mengumpat dengan mengumpamakannya dengan perbuatan memakan daging saudaranya yang sudah meninggal dunia. Dosa mengumpat ini dirakamkan dalam al-Quran sebagaimana firmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا ۚ أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ

﴿١٢﴾

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan dari prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu adalah dosa dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Sukakah salah seorang di antara kamu memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang (al-Hujurāt, 49: 12).

4.3.6 Golongan Pengadu Domba

Mengadu domba (al-namīmah) adalah sesuatu yang sangat dilarang dalam agama Islam kerana menceritakan keburukan seseorang kepada orang lain, saling menghasut, sehingga menimbulkan permusuhan.

Pengadu domba yang meninggal dunia akan disiksa di alam barzakh dan dinafikan daripada nikmat syurga sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbās RA:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ بِقَبْرَيْنِ فَقَالَ: إِنَّهُمَا يُعَذَّبَانِ، وَمَا يُعَذَّبَانِ فِي كَبِيرٍ، بَلَى إِنَّهُ كَبِيرٌ: أَمَا أَحَدُهُمَا، فَكَانَ يَمْشِي بِالنَّمِيمَةِ، وَأَمَا الْآخَرُ فَكَانَ لَا يَسْتَتِرُ مِنْ بَوْلِهِ.

Terjemahan: Rasulullah SAW berjalan melalui dua buah kubur, lalu Baginda bersabda: Sesungguhnya dua orang mati ini sedang disiksa. Tidaklah mereka disiksa kerana kesalahan besar tetapi sesungguhnya itu adalah perkara besar! Adapun yang satu, si mati suka melakukan adu domba, sedangkan yang satu lagi tidak mengurus kebersihan air kencingnya.

[*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith: 5592; *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith: 439].

Seterusnya hadith yang diriwayatkan oleh Huzayfah al-Yamanī RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ تَمَامً

Terjemahan: Tidak akan masuk syurga orang yang sering mengadu domba.

[*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith: 5596; *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith: 151].

4.3.7 Golongan Bersumpah Dengan Sumpah Palsu

Menurut al-Dhahabī (2003), Sumpah palsu (*ghamūs*) adalah sumpah yang dilakukan oleh seseorang yang sengaja berdusta dalam sumpahnya. Disebut *ghamūs* (menjerumuskan) kerana sumpah ini menjerumuskan orang yang bersumpah itu ke dalam dosa. Ada yang menyebut, menjerumuskannya ke dalam api neraka.

Rasulullah SAW menyebutkan sumpah palsu sebagai dosa besar ketiga selepas dosa mensyirikkan Allah dan menderhakai kedua ibu bapa sebagaimana hadith yang diriwayatkan daripada Abdullah bin ‘Amrū RA, katanya:

جَاءَ أَعْرَابِيٌّ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا الْكَبَائِرُ قَالَ الْإِشْرَاكُ بِاللَّهِ قَالَ
ثُمَّ مَاذَا قَالَ ثُمَّ عُمُوقُ الْوَالِدَيْنِ قَالَ ثُمَّ مَاذَا قَالَ قَالَ الْيَمِينُ الْعُمُوسُ قُلْتُ وَمَا الْيَمِينُ الْعُمُوسُ قَالَ
الَّذِي يَفْتَطِعُ مَالَ امْرِئٍ مُسْلِمٍ هُوَ فِيهَا كَاذِبٌ

Terjemahan: Seorang Arab Badwi datang kepada Nabi SAW lalu berkata, Wahai Rasulullah! Apakah dosa-dosa besar itu? Baginda SAW menjawab: Menyekutukan sesuatu dengan Allah. Dia bertanya lagi: Kemudian apa? Baginda SAW menjawab: Kemudian derhaka kepada kedua ibu bapa. Dia bertanya lagi: Kemudian apa? Baginda SAW menjawab: al-*Yamīn al-Ghamūs* (sumpah dusta secara sengaja). Aku bertanya: Apakah itu al-*Yamīn al-Ghamūs*? Baginda SAW menjawab: (Sumpah palsu) yang menjadikan dia mengambil harta seorang Muslim.

[*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith: 6255].

4.3.8 Golongan Enggan Mengeluarkan Zakat

Zakat merupakan rukun Islam yang ketiga selepas mengucap dua kalimah syahadah dan mendirikan solat. Zakat merupakan perkara yang mudah diketahui kefarduannya dalam kalangan orang Islam yang tidak memerlukan kepada hujah dan dalil.

Orang yang enggan mengeluarkan zakat, sedangkan dia mengi'tiqadkannya dan mengakui kefarduannya, akan menyebabkan dia menjadi fasiq, berdosa dan dikenakan azab seksa di akhirat kelak. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِنَ الْأَحْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لَيَأْكُلُونَ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ وَيَصُدُّونَ عَنْ
سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُوهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ
﴿٣٤﴾ يَوْمَ يُحْمَى عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَى بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ هَذَا مَا كَنْزْتُمْ
لَأَنْفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْنِزُونَ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendeta-pendeta dan ahli-ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah, dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (agama Islam). Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka Jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): Inilah apa yang telah kamu

simpan untuk diri kamu sendiri. Oleh itu, rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu (al-Tawbah, 9: 34-35).

Firman Allah SWT lagi:

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرًا لَّهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَهُمْ سَيُطَوَّقُونَ مَا
بَخَلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Terjemahan: Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahan-Nya menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan, ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari Kiamat kelak. Dan bagi Allah jualah hak milik segala warisan (isi) langit dan bumi. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan segala yang kamu kerjakan.

Seterusnya hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurayrah RA menceritakan tentang keadaan orang yang tidak mengeluarkan zakat pada hari kiamat sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

مَنْ آتَاهُ اللَّهُ مَالًا فَلَمْ يُؤَدِّ زَكَاتَهُ، مُثِّلَ لَهُ مَالُهُ شُجَاعًا أَفْرَعًا، لَهُ زَبَبَاتَانِ يُطَوَّقُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، يَأْخُذُ
بِلَهْزَمَتَيْهِ يَعْغِي بِشِدْقَيْهِ يَقُولُ: أَنَا مَالِكٌ أَنَا كَنْزُكَ

Terjemahan: Sesiapa yang dikurniakan oleh Allah harta dan tidak mengeluarkan zakatnya, maka hartanya pada hari kiamat dijadikan seekor ular yang mempunyai dua taring, dan kepala yang tidak berbulu kerana terlalu banyak bisanya. Ia akan membelit dan menggigitnya dengan kedua-dua rahangnya sambil berkata: Akulah hartamu! Akulah simpananmu.

[*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith: 1338]

4.3.9 Golongan Pemakan Riba

Riba adalah *ziyādah*, kenaikan atau berlebihan pada perkara tertentu dan menjurus kepada suatu bentuk lebih yang tidak halal berlaku pada sesuatu jenis kontrak seperti bayaran pinjaman yang bertambah, penalti tambahan akibat lewat bayar dan pertukaran barang dengan barang yang diklasifikasikan sebagai ribawi.

Menurut al-Nawawī (t.th.): Telah ijma' seluruh ulama Islam mengenai pengharaman riba dan ia termasuk dalam kategori dosa besar dan dikatakan juga riba diharamkan oleh semua agama. Tambah al-Nawawī lagi, antara yang berpendapat demikian adalah Imam al-Mawardī.

Allah SWT menegaskan secara jelas bahawa golongan pemakan riba ini akan ditempatkan di dalam neraka sebagaimana dalam FirmanNya:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يُفْؤَمُونَ إِلَّا كَمَا يُفْؤَمُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ
قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا ۚ وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ۚ فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِ فَانْتَهَىٰ فَلَهُ مَا
سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ ۚ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٧٥﴾

Terjemahan: Orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan setan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat), sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, padahal Allah sudah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Orang yang sudah sampai kepadanya larangan dari Tuhannya, lalu terus berhenti (dari mengambil riba), maka baginya apa yang sudah diambilnya dahulu (sebelum datang larangan); dan urusannya (terserah) kepada Allah. Orang yang mengulangi (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya. (al-Baqarah, 2: 275).

Rasulullah SAW sendiri mengklasifikasikan memakan riba dalam dosa besar berdasarkan hadith riwayat Abū Hurayrah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ. قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَا هُنَّ؟ قَالَ: الشِّرْكُ بِاللَّهِ، وَالسِّحْرُ، وَقَتْلُ
النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّحْفِ، وَقَذْفُ
الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ

Terjemahan: Jauhilah tujuh dosa yang membinasakan. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, apakah ia? Rasulullah menjawab: Syirik terhadap Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah kecuali dengan hak, makan riba, makan harta anak yatim, lari ketika peperangan, menuduh wanita baik-baik berzina.

[*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith: 2766 dan *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith: 89]

4.3.10 Golongan Meninggalkan Solat

Perintah agar mendirikan serta menjaga solat banyak dinyatakan di dalam al-Quran, antaranya firman Allah SWT:

فَإِذَا قَضَيْتُمُ الصَّلَاةَ فَادْكُرُوا اللَّهَ قِيَامًا وَرُكُوعًا وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمْ فَإِذَا اطْمَأْنَنْتُمْ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْفُوتًا

Terjemahan: Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan solat, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri dan duduk, dan semasa kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah solat itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya solat itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.

Berhubung dengan golongan yang meninggalkan solat dengan sengaja, Allah SWT sendiri merakamkan hukuman dan azab seksa yang dikenakan ke atas golongan ini dengan mencampakkan mereka ke dalam neraka Saqar. Firman Allah SWT:

﴿٤٢﴾ قَالُوا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّينَ ﴿٤٣﴾

Terjemahan: (Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu, mereka berkata): "Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (neraka) Saqar?" Orang-orang yang bersalah itu menjawab: "Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan solat. (al-Muddaththir, 74: 42-43).

5. Perbincangan

Perbincangan sebelum ini pengkaji mengulas secara terperinci mengenai hadith tentang golongan manusia nukilan daripada Syeikh al-Sumbāwī setelah dilakukan kajian takhrij dan mengeluarkan riwayat dan dirayah hadith. Perbincangan seterusnya pula merupakan kesinambungan dan tambahan kepada perbincangan sebelumnya dari beberapa sudut pandang iaitu; [Pertama]: keseluruhan hadith nukilan al-Sumbāwī adalah hadith yang berkonsepkan *al-targhīb wa al-tarhīb*; [Kedua]: perbincangan mengenai penepatan nama-nama golongan manusia dengan bilangan tertentu dalam riwayat hadith-hadith muktabar; [Ketiga]: perbincangan mengenai bentuk atau sifat hadith yang mengisahkan mengenai *al-ghaybiyyāt* khususnya peristiwa hari kiamat dan [Keempat]: ibrah daripada sifat orang bertaqwa yang sentiasa beringat menghindarkan diri daripada Neraka dan memohon dimasukkan ke dalam Syurga. Dalam erti kata bahawa dalam subtopik perbincangan ini, ia adalah hasil dan idea yang menunjukkan kepada *way forward* kepada perbincangan terhadap hadith tentang golongan manusia dalam kitab *al-Jawāhir* selepas analisis dijalankan.

5.1 Hadith Berkonsepkan *al-Tarhib* wa *al-Tarhib*

Hadith-hadith yang dinukilkan dalam kitab *Al-Yawāqūt wa al-Jawāhir fī 'Uqūbah Ahl al-Kabā'ir* adalah berkonsepkan kepada pendekatan *al-tarhib* dan *al-tarhib*. Menurut Syed Abdurrahman Syed Hussin (2005), kedua-dua *uslub* ini juga dipanggil atau dinamakan dengan *tabshīr* (memberi berita gembira) dan *tanzīr* (memberi berita berbentuk amaran dan peringatan).

Perkataan *tarhib* berasal daripada kata akar “*raghiba*” yang bererti gemar atau inginkan sesuatu (Tawfiq al-Wā'il, 1986). Firman Allah SWT:

﴿۷﴾ وَإِلَىٰ رَبِّكَ فَارْغَب ﴿۸﴾

Terjemahan: Kemudian apabila kamu telah selesai (dari sesuatu amal), maka bersungguh-sungguhlah kamu berusaha (mengerjakan amal soleh yang lain), dan kepada Tuhan mu sahaja hendaklah kamu memohon (apa yang kamu gemar dan ingini). (al-Sharḥ, 94: 7-8).

Tarhib pula berasal daripada kata akar “*rahaba*” yang bererti takut atau gerun. Secara mudahnya, *tarhib* ini memberikan rasa gerun dan menakut-nakutkan dengan perkara buruk ('Abd al-Karīm Zaydān, 1967).

Menurut istilah syara', *tarhib* ialah menggalakkan manusia beribadat kepada Allah, membuat kebaikan, melakukan amal soleh, berakhlak mulia, dan melakukan segala perkara yang diperintahkan Allah dalam kitabNya dan melalui lisan RasulNya serta memimpin manusia ke arah tersebut dengan dorongan ingin mendapatkan apa yang telah dijanjikan Allah dengan balasan yang baik serta pahala yang banyak di dunia dan akhirat (al-Qaraḍāwī, 1993).

Manakala *tarhib* pula bermaksud menakutkan orang ramai dari menjauhi diri dengan Allah, mensia-siakan segala kefarduanNya, cuai dalam menunaikan segala hakNya serta hak hambaNya dengan melakukan perkara yang ditegah Allah dari perbuatan jahat dan keji dalam apa-apa bidang kehidupan seterusnya menarik manusia supaya tidak melanggar batas-batas Allah dengan cara penggerunan melalui perkara yang disediakan oleh Allah kepada sesiapa yang menderhakai dan menyalahi manhajNya dengan ancaman azab di dunia dan akhirat (al-Qaraḍāwī, 1993).

5.2 Penetapan Secara Pasti Nama-Nama Golongan Dalam Hadith Dengan Bilangan Tertentu

Al-Qurṭubī (1996) meletakkan beberapa kriteria yang perlu ada bagi dosa besar. Menurut beliau, dosa besar adalah setiap dosa yang diitlaqkan padanya dengan nas al-Quran, Sunnah, atau ijmak bahawa ia ialah dosa besar, dijanjikan hukuman yang berat, hukuman had, atau sangat diingkari atasnya.

Rasulullah SAW tidak menyebut secara pasti keseluruhan bilangan golongan manusia yang melakukan dosa besar, sebaliknya Rasulullah SAW menyebutkannya dalam bentuk jumlah yang berbeza seperti dalam bilangan tiga [3], bilangan empat [4] atau bilangan tujuh [7] sebagaimana dalam hadith-hadith yang telah disebutkan pada perbincangan sebelum ini.

Penyebutan bilangan berbeza ini menandakan bahawa Rasulullah SAW hanya menyebutkan tentang jenis dosa besar sebagai contoh yang mewakili sifat-sifat yang dikategorikan sebagai dosa besar. Hal demikian boleh dibuktikan dengan pengulangan jenis dosa besar pada hadith-hadith yang lain. Sekiranya dosa besar itu telah diputuskan secara pasti, nescaya Rasulullah SAW menyebutkan dalam bilangan yang pasti tanpa memasukkan jenis yang lain.

Hasil pengumpulan hadith dengan menggunakan terminologi “*kabā’ir*” dan “*mūbiqāt*” yang merujuk kepada dosa-dosa besar, Rasulullah SAW menyebutkan sebanyak sembilan [9] contoh yang mewakili dosa tersebut iaitu [1]: Syirik kepada Allah; [2] Menderhaka kepada kedua ibu bapa; [3]: Mengucapkan perkataan buruk dan keji (mengumpat, memfitnah & mengadu domba); [4]: Membunuh tanpa hak; [5]: Sihir; [6]: Memakan riba; [7]: Memakan harta anak yatim; [8]: Melarikan diri pada hari peperangan dan [9]: Menuduh perempuan baik dengan tuduhan perbuatan zina atau liwat.

5.3 Sifat Hadith Yang Menyebutkan Tentang Kiamat

Rasulullah SAW banyak menyebutkan tentang peristiwa akhir zaman yang dikenali sebagai hadith *fitan* (fitnah-fitnah). Dalam kitab-kitab hadith muktabar, hadith *fitan* diletakkan bersama hadith-hadith *ashrāt al-sā’ah* yang merujuk kepada hadith yang menceritakan tanda-tanda akan berlakunya kiamat.

Tujuan Rasulullah SAW menyampaikan hadith-hadith *fitan* adalah untuk memberi amaran dan peringatan tentang apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Melalui perkhabaran tersebut, Rasulullah SAW mengharapkan umat Islam supaya lebih kuat dan bersedia untuk menghadapi peristiwa tersebut.

Dalam berinteraksi dengan hadith *fitan*, metode yang paling ampuh adalah mengumpulkan sebanyak mungkin riwayat yang berkaitan dengan *fitan* dan memahami kandungan hadith secara menyeluruh. Hadith-hadith yang menceritakan tentang keadaan hari Kiamat mesti dinilai *ṣahīh* kerana ia melibatkan perkhabaran *al-ghaybiyyāt*. Riwayat yang tidak *ṣahīh* dan bercanggah dengan hadith *ṣahīh* perlu ditinggalkan bagi mengelakkan kekeliruan dalam memahami gambaran sebenar tentang Kiamat.

Selain itu, individu yang berinteraksi dengan hadith *fitan* ini perlu berpegang kepada zahir nas dan tidak mentakwilkannya melainkan dengan dalil.

5.4 Keperluan Untuk Sentiasa Beringat Untuk Hindar Dari Neraka dan Memohon Masuk Syurga

Allah SWT mengingatkan bahawa iman perlu dipelihara, dirawat dan dipupuk dengan cara menjaga keselamatan diri dan keluarga daripada api neraka melalui firmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦٦﴾

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, dan keras, yang tidak derhaka kepada Allah terhadap apa yang Dia perintahkan kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan. (al-Tahrīm, 66: 6).

Seterusnya Allah SWT menegaskan bahawa semua manusia akan mendatangi neraka namun, hanya orang yang bertaqwa sahaja berjaya diselamatkan daripada azab api neraka tersebut sebagaimana firmanNya:

وَإِنْ مِنْكُمْ إِلَّا وَارِدُهَا كَانَ عَلَى رَبِّكَ حَتْمًا مَقْضِيًّا ﴿٧١﴾ ثُمَّ نُنَجِّي الَّذِينَ اتَّقَوْا وَنَذَرُ الظَّالِمِينَ فِيهَا جِثًّا ﴿٧٢﴾

Terjemahan: Dan tidak ada seorang pun darimu, melainkan mendatangi neraka itu. Hal itu bagi Tuhanmu adalah suatu kemestian yang sudah ditetapkan. Kemudian Kami akan menyelamatkan orang-orang yang bertakwa dan membiarkan orang-orang yang zalim di dalam neraka dalam keadaan berlutut. (Maryam, 19: 71-72).

Sifat orang bertaqwa adalah orang yang selalu mendoakan diri mereka supaya dijauhkan dari azab neraka yang sangat mengerikan dan seburuk-buruk tempat tinggal. Allah SWT merakamkan doa orang bertaqwa sebagaimana firmanNya:

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا اصْرِفْ عَنَّا عَذَابَ جَهَنَّمَ إِنَّ عَذَابَهَا كَانَ غَرَامًا ﴿٦٥﴾ إِنَّهَا سَاءَتْ مُسْتَقَرًّا وَمُقَامًا ﴿٦٦﴾

Terjemahan: Dan juga mereka yang berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami, sisihkanlah azab neraka Jahannam dari kami, sesungguhnya azab seksanya itu adalah mengerikan. Sesungguhnya neraka Jahannam itu tempat penetapan dan tempat tinggal yang amat buruk. (al-Furqān, 25: 65-66).

Justeru, seorang mukmin perlu sentiasa mengingatkan diri supaya menghindari daripada azab seksa api neraka dengan cara menegah diri daripada melakukan maksiat kepada Allah SWT. Sekiranya terjebak dengan maksiat, segeralah bertaubat membersihkan diri dengan cara meninggalkan maksiat, menyesali atas perbuatan yang telah dilakukan serta berjanji tidak melakukan kembali maksiat tersebut. Seterusnya, mukmin digalakkan untuk memohon kepada Allah SWT supaya dimasukkan ke dalam syurga dengan rahmat Allah SWT.

6. Kesimpulan

Makalah ini menyimpulkan bahawa kitab Jawi bergenre keagamaan seperti kitab *Al-Yawāqīt wa al-Jawāhir fī 'Uqūbah Ahl al-Kabā'ir* tidak lari daripada menukikan hadith-hadith yang bermasalah walaupun dalam jumlah yang sedikit. Hadith-hadith yang berkonsepkan *al-targhīb* dan *al-tarhīb* perlu dilakukan semakan, saringan dan kajian takhrij bagi mengenal pasti status kesahihan hadith. Makalah ini juga mendedahkan kepada umum bahawa terdapat nas yang dikatakan sebagai hadith namun ianya bukan bersumber daripada hadith asal tetapi ianya adalah bersumberkan daripada kefahaman pengarang itu sendiri sebagaimana yang telah dilakukan oleh Syeikh al-Sumbāwī terhadap hadith berkaitan dengan sepuluh golongan manusia ahli neraka. Kesilapan daripada pengarang telah mewujudkan hadith yang bukan berasal daripada sabdaan Nabi SAW tetapi ia adalah hasil daripada gabungan beberapa hadith yang sama tema dan dimasukkan beberapa elemen kefahaman pengarang bagi memenuhi konsep *al-targhīb* dan *al-tarhīb*. Oleh yang demikian, dalam berinteraksi dengan hadith yang terdapat dalam kitab Jawi, diwajibkan menyaring dan menyemak dahulu hadith tersebut sebelum digunapakai dan diamalkan dalam kehidupan seharian bagi mengelakkan diri mengamalkan dan menyebarkan perkara yang sia-sia yang bukan berasal daripada ajaran agama Islam yang sebenar.

Rujukan

- 'Abd al-Karīm Zaydān. (1967). *Uṣūl al-Da'wah*. Baghdad: Maktabah al-Manār al-Islāmiyyah).
- Aḥmad bin Ḥanbal, Abū 'Abd Allāh al-Shaybānī. (2001). *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal* ed. Shu'ayb al-Arna'ūt et al. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥasan. (1994). *Sunan al-Kubrā* ed. Muḥammad 'Abd al-Qādir 'Aṭā, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl. (2000). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Dlm. *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah* ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh. Riyādh: Dār al-Salām.
- Al-Dhahabī, Muḥammad bin Aḥmad. (2003). *Al-Kabā'ir* ed. Abū 'Ubaydah, Mashhūr bin Ḥasan. Al-Imārāt: Maktabah al-Furqān.

Hadith Tentang 10 Golongan Manusia dalam Kitab Jawi Jawahir: Analisis Riwayat dan Dirayah

- Fauzi Deraman. (1997). *Kedudukan Hadith Dalam Kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya-Karya Syeikh Dawud bin Abdallah al-Fataniy* (Tesis kedoktoran. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Al-Hākīm, Abū ‘Abd Allāh bin ‘Abd Allāh. (1990). *al-Mustadrak ‘Alā al-Ṣaḥīḥayn* ed. Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Hibbān, ‘Alā’ al-Dīn ‘Alī bin Balbān. (1997). *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān bi Tartīb Ibn Balbān* ed. Shu‘ayb al-Arna‘ūt. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Khadher Ahmad. (2007). *Sumbangan Syeikh ‘Abd al-Ṣamad al-Falimbānī Dalam Bidang Ḥadīth: Analisis Metodologi Penyusunan dan Takhrij Ḥadīth Dalam Kitab Hidāyah al-Sālikīn* (Disertasi sarjana, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007
- Khadher Ahmad, et.al. (2009). Keperluan Takhrij Hadith Dalam Karya Jawi: Analisis Hadith-Hadith Lemah Dalam Kitab Hidayah Al-Salikin. Dlm Mustaffa Abdullah, Fauzi Deraman et.al, *Khazanah al-Quran & al-Hadith Nusantara*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 305-345
- Khadher Ahmad (2011) Analisis Bentuk-Bentuk Matan Hadith Dalam Kitab Jawi Nusantara: Penentu Arah Dalam Takhrij Hadith. Dlm Faisal Ahmad Shah et.al, *Takhrij Hadith di Nusantara Keperluan Masa Kini*, Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 171-190.
- Al-Mūsīlī, Abū Ya‘lā Aḥmad bin ‘Alī bin al-Muthannā. (1990). *Musnad Abū Ya‘lā* ed. Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Muslim bin al-Ḥajjāj, Abū Ḥusayn al-Qushayrī. (2000). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Dlm. *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah* ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh. Riyādh: Dār al-Salām.
- Al-Malībārī, Zayn al-Dīn, (1983). *Al-Jawāhir fī ‘Uqūbah Ahl al-Kabā’ir*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Nasā’ī, Abū ‘Abd al-Raḥmān Aḥmad bin Shu‘ayb. (2001). *al-Sunan al-Kubrā* ed. Ḥassan ‘Abd al-Mun‘im Shalbiy, Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf. (t.th.). *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muḥadhdhāb* ed. Al-Muṭī‘ī, Muḥammad Najīb. Jeddah: Maktabah al-Irshād.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. (1993). *Al-Muntaqā Min Kitāb al-Targīb wa al-Tarḥīb li al-Minzirī*, cet 1. Kaherah: Dār al-Wafā’.
- Al-Qurṭubī, Abū al-‘Abbās Aḥmad bin ‘Umar. (1996). *Al-Mufhim Limā Ashkal Min Kitāb Muslim* ed. Aḥmad Muḥammad al-Sayyid et. al. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- Al-Shīrāzī, Ibrāhīm bin ‘Alī bin Yūsuf. (1996). *al-Muḥadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, cet 1, Dimashq: Dār al-Qalam.
- Al-Sumbāwī, Muhammad Ali Abdul Rasyid. (t.th.). *al-Yawāqīt wa al-Jawāhir fī ‘Uqūbah Ahl al-Kabā’ir*. Fatani: Matba‘ah al-Halābī.Syed Abdurrahman Syed Husin. (2005). Pendekatan Tarḥīb dan Targīb Dalam Penyampaian Dakwah. *Jurnal Usuluddin*, 21. 117-138.
- Tawfiq al-Wā’il. (1987). *Al-Da‘wah Ilā Allāh: al-Risālah, al-Wasīlah al-Ḥadaḥ*. Kuwait: t.pt.
- Wan Muhammad Saghīr Abdullah. (1985). *Perkembangan Ilmu Fiqh dan Tokoh-Tokohnya di Asia Tenggara*, cet 1. Solo: Ramadhani.
- Wan Muhammad Saghīr Abdullah. (2001). *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Khazanah al-Faṭāniyyah.